

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

3M dapat sokongan

KUALA LUMPUR, Jumaat — Lapan pertubuhan Cina mewakili berbagai kepentingan masyarakat Cina hari ini melahirkan sokongan kepada Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad di atas jaminannya tidak akan menukarkan ciri Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina.

Dalam kenyataan bersama yang dikeluarkan hari ini, persatuan itu diketuai oleh Pertubuhan Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Malaysia berkata, jaminan Datuk Seri Dr. Mahathir yang adil dan munasabah itu, "amat bermakna dan penting bagi kami".

Kenyataan itu juga melahirkan harapan agar pihak yang berkenaan akan mengambil tindakan tegas menyelesaikan beberapa masalah

yang lahir daripada pelaksanaan 3M.

Kenyataan itu juga meminta pertubuhan-pertubuhan dagang Cina yang lain mengeluarkan cadangan-cadangan yang konstruktif.

Datuk Seri Dr. Mahathir baru-baru ini mengumumkan kerajaan tidak akan menyalahgunakan Akta Pelajaran untuk menukar Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina menjadi sekolah kebangsaan.

Kenyataan bersama yang dikeluarkan dalam sidang akhbar di sini hari ini disertai oleh Persatuan Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Malaysia, Dewan Perisidangan Cina Selangor, Dewan Bandar Cina Pulau Pinang, Dewan Perhimpunan Cina Perak dan beberapa pertubuhan lain.